

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: HARIAN METRO (SETEMPAT)

TARIKH: 04 FEBRUARI 2018

MUKA SURAT: 40

Bagan Datuk

Maahad tahfiz diarah buat latihan kebakaran setiap tahun

Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi mengarahkan maahad tahfiz seluruh negara mengadakan latihan kebakaran sekurang-kurangnya sekali setahun bagi mengelakkan tragedi membabitkan sekolah berkenaan berulang pada masa depan.

Timbalan Perdana Menteri berkata, latihan itu perlu dilakukan dengan kerjasama Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dengan mengguna pakai buku panduan keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP) untuk sekolah tahfiz.

“Buku ini bukan sekadar buku panduan, tetapi hendaklah diikuti dengan latihan kebakaran.

“Terjemahkan buku panduan ini (dengan mengadakan latihan

kebakaran), jangan baca dan letak di rak. Apabila terbakar, baru buka (buku panduan), itu sudah terlambat,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Seminar Pengurusan KKP Untuk Sekolah Tahfiz 2018 dan pelancaran buku panduan KKP untuk sekolah tahfiz di Sekolah Menengah Agama Irshadiah Addiniah di sini, semalam.

Hadir sama, Timbalan Menteri Sumber Manusia Datuk Seri Ismail Abd Muttalib, Pengerusi Jawatankuasa Sumber Manusia, Belia dan Sukan negeri Datuk Shahrul Zaman Yahya serta Pengerusi Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) Tan Sri Lee Lam Thye.